

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hamed**

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyampaikan anugerah Tokoh Maal Hijrah 1436H peringkat kebangsaan kepada Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara, Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman.

Berpaut pada semangat Maal Hijrah

Sekali lagi kita diberi ruang dan peluang untuk menyambut kedatangan tahun baru Islam atau lebih dikenali sebagai sambutan Maal Hijrah dalam suasana yang aman, selamat dan tenang. Bak kata pepatah bumi mana yang tidak ditimpa hujan dan air yang tenang jangan disangka tiada buaya. Begitu lah juga negara kita dan juga isu berkaitan umat Islam di negara ini. Kita juga tidak pernah sunyi daripada pelbagai isu, masalah dan kontroversi. Namun secara umumnya umat Islam di negara ini jauh lebih beruntung dan bernasib baik berbanding saudara seagama daripada beberapa negara bergolak seperti Syria, Iraq mahupun Palestin.

Realitinya kebanyakan daripada kita hanya mengaitkan sambutan Maal Hijrah dengan tahun baru semata-mata dan hanya mendapat perhatian kerana kita diberi kemudahan cuti umum. Justeru Maal Hijrah hanya sekadar melewati kalendar tahunan kita tanpa penghayatan yang sewajarnya secara mendalam.

Hijrah adalah titik penting bagi syiar Islam dan masih tidak ramai yang mampu memahaminya secara serius. Peristiwa Hijrah sebenarnya detik transformasi yang cukup signifikan dan penting dalam kehidupan setiap umat Islam. Detik bersejarah ini meletakkan batu asas yang cukup penting dalam perkembangan syiar Islam seterusnya kemajuan umat Islam secara keseluruhannya.

Bersempena dengan sambutan Maal Hijrah tahun ini yang bertemakan 'Perpaduan Nadi Transformasi Negara' penulis ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini untuk kembali menghayati detik bersejarah ini seterusnya merapatkan ukhuwah

dan perpaduan antara kita dalam mengharungi segala cabaran yang mendatang.

Pada hari ini kita dapat menyaksikan runtihan dan kesengsaraan yang dilalui oleh umat Islam Rohingya, Syria, Palestin dan juga di beberapa buah negara yang lain di seantero pelusok dunia. Ironinya, masyarakat dunia hanya mampu berkongsi kesedihan saja di mana masalah umat Islam ini tidak pernah menemui detik penyelesaian yang diharapkan. Di samping menjadi pelarian di negara sendiri, mereka juga kehilangan tanah sendiri, umat Islam baik kanak-kanak, wanita mahupun warga tua juga terus diseksa dan dibunuh dengan kejam di serata dunia. Ini realiti kejadian pada hari ini.

Antara punca kepada kejadian seumpama ini kerana kegagalan umat Islam itu sendiri untuk bersatu padu dan menghayati syiar Islam yang sebenar. Perbalahan dan persengketaan sesama sendiri, berebut harta dan kuasa, sanggup mengkhianati saudara sendiri, sanggup bersekongkol dengan pihak luar demi kepentingan peribadi adalah antara wabak dan penyakit yang cukup popular dan cepat menular dalam kalangan masyarakat Islam di negara Islam. Ini menyebabkan negara mereka porak-peranda, huru-hara, sering berperang saudara dan akhirnya dijajah oleh orang luar. Akibatnya juga segala keamanan dan kedaulatan mereka mula tergendai, hilang dan lenyap begitu saja.

Maka kita di Malaysia sewajarnya mengambil iktibar daripada segala peristiwa dan insiden yang berlaku di negara Islam terbabit agar kita tidak terjebak dan menunglapi kesilapan yang sama. Percayalah kejadian seumpama itu

tidak mustahil untuk berlaku di negara kita andai kita terus leka, lalai dan tidak bersatu padu. Walaupun jumlah umat Islam ramai dan masih majoriti di negara ini, namun tidak mustahil kita dikuasai oleh orang lain andai tidak berpegang kuat kepada syiar Islam dan juga perpaduan yang kukuh.

Juga walaupun kedudukan agama Islam dilihat terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai agama rasmi Persekutuan tetapi percayalah ia juga boleh berubah andai kita leka dan lalai ataupun bercakaran sesama sendiri. Perlu diingat antara tanggungjawab hakiki kita adalah mempertahankan kesucian dan kedaulatan agama Islam. Kita khuatir esok husa masyarakat kita juga akan menjadi umpama menang sorak kampung tergendai ataupun ada pihak yang mengambil kesempatan seterusnya menanggung di air yang keroh di atas kelemahan dan kegagalan kita sendiri.

Pokok pangkalnya kita perlu bersatu padu dan terus memperkukuh perpaduan sesama kita. Hayatilah tema sambutan Maal Hijrah tahun ini yang jelas memperincikan betapa perpaduan adalah asas kemajuan sesebuah bangsa yang berdaulat. Realitinya menuju tahun baru Hijrah banyak lagi cabaran getir yang sedang menanti kita. Baik dari segi ekonomi, politik mahupun sosial cabarannya cukup besar. Justeru penulis ingin menyeru kepada seluruh umat Islam negara ini agar segera berpaut kepada semangat Maal Hijrah seterusnya menjadikan perpaduan sebagai asas dan tonggak kesatuan dan kemajuan kita. Selamat Menyambut Maal Hijrah.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia